

**SURAT PASTORAL (HOMILI) DARIPADA USKUP SEBASTIAN FRANCIS,  
USKUP KEUSKUPAN PULAU PINANG GEREJA KATOLIK ROMA  
Disampaikan pada 3 Disember 2017, Minggu Adven Pertama**

Para Umat Allah yang dikasihi,

"Kegembiraan, Kerahiman dan Harapan daripada Tuhan Tritunggal, Bapa, Putera dan Roh Kudus".

Pada Ahad Pertama musim Adven, kita mengucapkan syukur dan puji kepada Allah atas segala rahmat dan berkat yang diterima pada tahun lalu, 2017 dan menaruh harapan terhadap peluang dan rahmat baru ketika kita memulakan Tahun Liturgi yang baru 2018. Adven adalah masa untuk menunggu pengembalian terakhir Tuhan, yang merupakan Harapan dan Penyelamatan kita. Lagipun, nampaknya dunia tidak pernah memerlukan harapan dan penyelamatan sedemikian segera seperti ini. "Karena itu, berjaga-jagalah sebab kamu tidak tahu bilamanakah Tuan rumah itu pulang....." (cf Markus 13:35)

Para umatku, dunia kita berada dalam '**krisis iklim global**' yang juga dikenali sebagai 'kecemasan iklim global'. Perubahan iklim mengancam semua kehidupan di Bumi. Tahun 2016 adalah tahun paling panas yang dirakamkan. Kepingan ais kutub sedang lebur. Aras laut semakin meningkat. Pengasidan air laut membunuh karang dan mengurangkan stok ikan. Hasil tanaman semakin kurang. Gelombang panas dan bencana iklim semakin meningkat. Setakat 2012, perubahan iklim menyumbang kepada kematian lebih 400,000 orang setahun, satu angka yang semakin meningkat. Dari tahun 2008, secara purata, setiap tahun sebanyak 21.5 juta orang terpaksa berpindah disebabkan bencana iklim seperti banjir, ribut taufan, kebakaran liar dan suhu melampau. Kita telah meyakinkan kesan buruk akibat peristiwa iklim melampau tahun ini di negara-negara seperti Haiti, Vietnam, China, Filipina, Mexico dan Amerika Syarikat. Hakikatnya, kita sendiri mengalami kesan perubahan iklim di keuskupan kita. Perubahan iklim membawa kesan yang paling ketara kepada golongan miskin.

Perubahan iklim yang berbahaya sedang berlaku; bagaimanapun kita boleh menghindari bencana akibat perubahan iklim dengan penglibatan diri, keluarga dan komuniti dalam integriti ekologi. Pada bulan Disember 2015, pemimpin dunia bersetuju untuk mengehadkan pemanasan global jauh di bawah 2°C, serta meneruskan usaha untuk mengehadkan suhu pada 1.5°C atas tahap pra-perindustrian. Jika kita tidak mengambil sebarang tindakan, pemanasan global boleh meningkat sehingga 4.8-7.8°C menjelang 2100. Hal ini akan memusnahkan kehidupan di Bumi. Dunia seperti yang kita ketahui akan lenyap dengan cepat. Kita mewariskan anak-anak kita sebuah planet yang amat berbeza, penuh dengan akibat yang tidak dapat diramalkan. Oleh itu, dunia berada pada titik yang paling kritikal dalam sejarah manusia.

Pada bulan Jun 2015, Sri Paus Fransiskus mengeluarkan Surat Ensiklik tentang Perawatan Rumah Bersama Kita, "*Laudato Si*". Paus telah dipuji oleh warga dunia atas usaha memimpin seluruh dunia menghadapi isu krisis global yang mendesak. Dalam *Laudato Si*, Paus menyatakan bahawa, "*Keadaan dunia kini telah mencapai titik kritis*" (LS 61). *Paus memberitahu kita dengan tegas dan jelas bahawa Gereja "terutamanya harus melindungi umat manusia dari penghancuran diri"* (LS 79).

Sabda Tuhan dengan mengingatkan kita tentang tanggungjawab untuk menjaga segala ciptaan Tuhan sebagai pelayan dan bukan sebagai pemilik. Adalah tanggungjawab saya sebagai Uskup untuk memberitahu anda bahawa pendirian Gereja Katolik Roman sejagat adalah krisis iklim semasa merupakan ancaman yang sebenarnya wujud kepada semua kehidupan di Bumi dan

keadaan ini terjadi faktor utamanya disebabkan oleh tindakan manusia yang mementingkan diri dan bersikap acuh tak acuh.

Kita semua bertanggungjawab atas situasi di dunia dan segala yang akan berlaku masa depan. Marilah kita memastikan tidak meninggalkan kehancuran sebagai warisan. Saya mengulangi kata-kata Paus Fransiskus: *“Mengapa kita berada di dunia ini? Mengapa kita lahir dalam hidup ini? Untuk apa kita berjuang dan berusaha? Mengapa bumi ini membutuhkan kita? Oleh itu, tidak cukup jika kita sekadar mengatakan bahawa kita harus peduli akan generasi mendatang. Kita harus menyedari bahawa apa yang dipertaruhkan adalah martabat kita sendiri dan martabat ciptaan Tuhan. Kitalah, pertama-tamanya kita sendiri, yang berkepentingan untuk mewariskan planet yang layak dihuni kepada generasi selanjutnya. Isu inilah yang mempengaruhi diri kita secara dramatis kerana menyangkut makna perjalanan kita sendiri di dunia ini. (LS160)”*

Apa yang diperlukan, wahai umat Allah? Paus kita memanggil kita untuk *“Pertobatan Ekologis”,* di mana *“seluruh buah dari pertemuan kita dengan Yesus Kristus jelas menyerlah dalam hubungan kita dengan dunia di sekeliling kita.”* (LS217). Beliau menyeru agar kita *“mendengar kedua-dua tangisan Bumi dan jeritan orang miskin”*. Beliau juga menekankan bahawa *“Menghayati panggilan untuk melindungi karya Allah adalah penting untuk kehidupan yang saleh; dan bukan satu pilihan atau aspek sekunder dalam pengalaman Kristiani.”* (LS217)

“Pertobatan Ekologis” melibatkan perubahan cara hidup kita. Hal ini bermakna bahawa transformasi dunia yang sebenar mesti berasal dari dalam diri kita, bukan dari faktor luaran. Kita mesti memilih pengorbanan atas keinginan, perkongsian atas ketamakan, dan melayani kebaikan bersama semua penciptaan atas kesenangan diri. Hanya dengan itulah kita boleh benar-benar menjadi Murid-Murid Harapan dalam situasi yang nampaknya tiada pengharapan.

Tahun lepas, Pernyataan Pasca Konvensi Pastoral Semenanjung Malaysia IV oleh para Uskup di Semenanjung Malaysia menekankan bahawa "Kita mesti bermatlamat dan berusaha untuk membina sebuah negara yang berasaskan semangat integriti - peribadi, rohani, politik, kewangan, dan **integriti ekologis**, dengan itu, komited untuk bekerja dengan semua rakyat Malaysia yang ingin melihat Negara Malaysia yang lebih bersepadu".

Keuskupan Pulau Pinang telah komited untuk memikul tanggungjawab terhadap **keadilan dan ketahanan penciptaan** di mana kita memilih untuk bertindak dengan *“semangat kreatif, inklusif, dan membina jambatan”* (yang muncul di PMPC IV) untuk memastikan keadilan penciptaan bagi semua makhluk, baik manusia mahupun alam semula jadi, dan untuk membina masyarakat yang berdaya tahan serta Bumi yang berdaya tahan. Untuk misi tersebutlah satu Komisi Episcopal untuk Keadilan Penciptaan (sejak tahun 2013-2016 dipanggil Komisi Keadilan dan Keamanan) telah dibentuk oleh Persidangan Uskup Katolik Malaysia, Singapura dan Brunei pada tahun 2017. Komisi ini berada dalam lingkungan Komisi untuk Ekologi di Vatikan. Oleh itu, Keuskupan Pulau Pinang bekerja dan bertindak sejajar dengan Gereja Universal mengenai isu global ini.

Saya menyeru kepada setiap umat agar sehati sejiwa dalam pemikiran, semangat dan tindakan dalam misi penting ini. Jadilah warga ekologi dan murid-murid harapan yang benar. Cintailah dan berdoa sentiasa untuk semua ciptaan; hentikan pencemaran, kurangkan penggunaan melampau barang sekali pakai yang tidak diperlukan seperti pinggan kertas, set alat makan plastik, kertas tisu dan beg plastik, jimatkan penggunaan air, jimatkan kuasa elektrik dan tanam lebih banyak pokok. **MENGURANGKAN, MENGGUNA SEMULA, MENGITAR SEMULA BARANGAN. Bertindaklah dengan sedaya upaya untuk membina dunia yang adil,**

**berdaya tahan dan ekologi dari rumah anda hingga ke komuniti, paroki dan organisasi.** Ingatlah siapa anda: Anak-anak Allah sendiri; "*garam bumi dan terang dunia*" (Matius 5: 13-14), diurapi untuk menyebarkan Injil Sukacita kepada semua orang dan membebaskan dunia yang dipenjarakan dalam krisis yang mendalam dan gelap (Lk 14: 8; Is 61: 1). Pergilah dengan penuh keyakinan terhadap Tuhan dan menjadi saksi kuasa penyelamatan-Nya yang berani.

*"Sememangnya, Allah yang memanggil kita kepada suatu komitmen yang murah hati dan rela memberikan segalanya, memberi kita kekuatan dan juga terang yang kita butuhkan untuk bergerak maju. Di tengah-tengah dunia ini, Tuhan kehidupan yang begitu mengasihi kita, terus hadir. Ia tidak menjauhi kita, Ia tidak meninggalkan kita sendirian, kerana Ia telah menyatukan diri-Nya definitif dengan bumi kita, dan kasihNya terus-menerus mendorong kita untuk menemukan jalan-jalan baru."* (LS245)

Santa Katarina dari Genoa (1447-1510) - "Pembaharuan tanpa Perubahan (Pertobatan, Penukaran, Pembaikan) adalah korupsi Gereja"

Berserta Santo Friskus Asisi, santo patron ekologi, saya berdoa agar anda semua akan mengalami Pertobatan Ekologis dengan hati yang terbuka pada musim Adven ini, dan berharap untuk maju ke hadapan bersama anda dalam harapan untuk semua penciptaan.

Hantarlah Rohmu, ya Tuhan, dan perbaharuilah muka Bumi!

Bonda Maria, Ibu Gereja dan Bumi, doakanlah untuk kami dan bersama kami!

"Jadilah Murid Harapan"

*Sebastian Francis*

**Rt. Rev. Sebastian Francis**  
**Uskup Penang**